

# Hajat besar Peng Kean

Oleh Mohd Fitrie Muhamad

mfitrie@bharian.com.my

**Y**U Peang Kean yang bakal membawa harapan tunggal negara dalam acara lawan pedang di Sukan Olimpik, London Julai ini optimis untuk cuba melakukan kejutan dan berusaha mencuri satu pingat daripada penyerataannya kali ini.

Walaupun tidak menyertai apa-apa pertandingan selepas Sukan SEA, Indonesia tahun lalu, Peang Kean tetap menaruh harapan tinggi menceriakan kem négara malah persiapannya kini sudah mencapai 50 peratus sebelum ke London.

Untuk itu, pelajar jurusan Sumber Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM) akan terbang ke Guangzhou, China, Ahad ini menjalani latihan intensif sebelum dijangka menyertai kejohanan Piala Dunia di Poland, 2 Jun ini.

“Saya sudah 50 peratus bersedia manakala bakinya akan dilengkap-

kan pada latihan di China selama dua bulan. Selepas itu, sudah pasti saya akan lebih bersedia membawa cabaran negara di Olimpik nanti.

“Poland akan dijadikan medan pemanas badan terbaik kerana kebanyakkan peserta mengambil bahagian adalah orang yang sama ketika di London, terutama atlit dari Russia, Jerman, China dan Korea,” katanya ketika di temui di majlis pelancaran program Impian Emas Negara, kelmarin.

Awal April lalu, Peang Kean menamatkan kemarau 48 tahun negara untuk melihat penyertaan atlit kebangsaan beraksi di temasya sukan terbesar dunia itu selepas berjaya dilakukan Ronnie Theseira di Olimpik Tokyo pada tahun 1964.

Peang Kean layak ke London secara merit menerusi acara sabre selepas mengambil kira kepada kiraan mata serta kedudukan tempat ke-7 dan ke-9 pada Kejohanan Asia 2010 dan 2011.

